**SINAR HARIAN – SELASA 05 SEPTEMBER 2017**

# Lantik wanita lembaga pengarah

## Najib beri amaran dedah, malukan syarikat jika ingkar berbuat demikian

FOTO: AFIQ RAZALI

NOOR AZURA SAHRIL



Najib ketika sesi dialog TN50.



Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor menyempurnakan pelancaran Sambutan Hari Wanita Kebangsaan.




Najib pada pada sesi Dialog Transformasi Nasional (TN50) sempena Sambutan Hari Wanita Kebangsaan dan, semalam.

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi amaran akan 'memalukan' mana-mana syarikat yang tersenarai (*public listed company*) yang tidak meletakkan wanita sebagai anggota dalam lembaga pengarah.

Beliau berkata, tindakan itu akan dilakukan tahun hadapan kepada mana-mana syarikat yang ingkar.

"Saya telah memberi amaran bahawa tahun depan kami akan menerbitkan senarai PLC yang tidak mempunyai wanita di dalam lembaga pengarah. Kita akan namakan dan memalukan syarikat ini," katanya pada sesi Dialog Transformasi Nasional (TN50), sempena Sambutan Hari Wanita Kebangsaan di ibu negara, semalam.

Turut serta, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Menurut Najib, syarikat tersebut juga tidak berpeluang mendapat kontrak daripada kerajaan.

"Ini komitmen dan percaya peratusan penyertaan wanita sebagai lembaga wanita akan meningkat," katanya.

Berucap di majlis itu, beliau menyatakan rasa puas hati dengan kejayaan wanita dalam bidang ekonomi, pendidikan, kesukarelawan dan kepimpinan di negara ini yang disifatkannya sebagai jauh lebih baik daripada negara lain.

"Saya sebagai perdana menteri berpuas hati dengan tahap kejayaan wanita yang bertambah baik dalam semua bidang," ujarnya.

Sementara itu, Najib berkata, Putrajaya akan menjadi tidak berfungsi tanpa cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

"Saya menteri kewangan, saya tahu jika kita menolak RM42 bilion daripada pendapatan negara, anda akan berhenti dan kerajaan akan menjadi tidak berfungsi," katanya.

Najib menambah GST adalah sumber pendapatan dan tanpa itu, kebanyakan program yang dicadangkan oleh penonton tidak boleh dilaksanakan.

"GST sumber pendapatan. Jika anda tidak mahu GST, cari sesuatu yang lain.

"Oleh kerana tidak ada lagi yang dapat kita lakukan jika kita tolak RM42 bilion daripada hasil negara. Semua program wanita tidak boleh dilakukan," katanya.

Najib juga menasihatkan supaya tidak menaruh kepercayaan terhadap pembangkang yang mahu GST dimansuhkan.

"Jangan percaya pembangkang. Sebagai perdana menteri, saya dapat kotakan apa saya katakan, saya tidak mengatakan perkara hanya untuk menyenangkan anda.

"Saya tahu jika perkara-perkara tidak dapat dilakukan atau (jika perkara itu) realistik," katanya.



Rohani (tengah) memotong kek sempena Sambutan Hari Wanita Kebangsaan, semalam.

### Bantulah kami golongan OKU



NORAIHAN

KUALA LUMPUR - Infrastruktur untuk golongan orang kelainan upaya (OKU) wajar ditambah baik dan dipertingkatkan.

Itu aspirasi dikongsikan Noraihan Che Li,37, dari sebuah pertubuhan NGO, OKU Sentral pada sesi Dialog Transformasi Nasional 50 (TN50) sempena sambutan Hari Wanita, semalam.

Katanya, kemudahan itu perlu bagi mengurangkan kebergantungan golongan OKU kepada pihak lain dan mampu untuk berdikari.

"Kami tidak mahu simpati. Apa yang kami perlukan adalah infrastruktur yang lengkap untuk kami bergerak," katanya.

Di samping itu, beliau berharap kerajaan dapat menyediakan dana atau suntikan modal untuk golongan OKU menjalankan perniagaan agar mampu menjana ekonomi negara.

Seorang lagi peniaga yang juga OKU, Norsuhaila Ab Rahman,42, berharap kerajaan mendengar aspirasinya dalam memudahkan peluang golongan sepertinya menjalankan perniagaan.

Menurutnya, sebagai peniaga jalanan yang tidak mempunyai lesen berniaga, perasaan takut sentiasa menghantui dirinya kerana bimbang ditahan pihak berkuasa.

"Kami tidak meminta-minta. Kami berusaha mendapatkan pendapatan dengan kudrat yang ada.

"Apa yang kami harapkan bantulah kami golongan OKU ini," katanya.